

PERKAHWINAN JARAK JAUH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF FIQH DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Long Distance Marriage Among The Muslim Society In Malaysia According To The Perspective Of Fiqh And Islamic Family Law

Hidayatul Sakinah binti Mohd Zulkifliⁱ, Rafeah Saidonⁱⁱ & Azhar Abd Azizⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Pasca Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam, Selangor.

Emel: hidayatul.sakinah88@gmail.com

ⁱⁱ Profesor Madya Dr. & Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam.

Emel: rafeahs@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Dr., Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Dengkil.

Emel: azhar952@salam.uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Perkahwinan jarak jauh (PJJ) bermaksud satu corak hubungan yang bercirikan pertemuan yang jarang dilakukan antara suami dan isteri dan kebiasaannya pasangan itu tinggal di lokasi geografi yang berbeza dengan tempoh berjauhan antara satu sama lain. Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat merekodkan peningkatan struktur keluarga dalam perkahwinan jarak jauh yang semakin mendominasi model kekeluargaan konvensional, malahan kini hubungan jarak jauh merupakan suatu bentuk ikatan perhubungan yang semakin biasa dalam masyarakat. Amalan ini menjadi satu fenomena yang perlu diberi perhatian kerana kajian menunjukkan PJJ menyumbang kepada jumlah kes percerayaan di Malaysia. Justeru objektif utama artikel ini adalah untuk melihat pandangan Islam mengenai amalan PJJ menurut ulama silam dan kontemporari dari sudut tempoh yang dibenarkan berjauhan dan sebab-sebab yang dibolehkan untuk berjauhan. Kajian juga</i></p>	<p><i>Long -distance marriage (PJJ) means a pattern of relationship that is characterized by less frequent encounters between husband and wife and usually the couple lives in different geographical locations with periods of distance from each other. The Ministry of Women Development and Community Welfare recorded an increase in family structure in long -distance marriages which is increasingly dominating the conventional family model, and even now long -distance relationships are an increasingly common form of bonding in society. This practice has become a phenomenon that needs to be given attention because studies show that PJJ contributes to the number of divorce cases in Malaysia. Thus the main objective of this article is to look at the Islamic view on the practice of PJJ according to past and contemporary scholars in terms of the period allowed to stay away and the reasons allowed to stay away. The study will also analyze the legal provisions related to PJJ found in the Islamic Family Law Act/Enactment in</i></p>

<p>akan menganalisa peruntukan undang-undang berkaitan PJJ yang terdapat dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Metod yang digunakan ialah secara kualitatif melibatkan kajian perpustakaan. Data yang diperoleh dianalisis secara analisis kandungan serta induktif dan deduktif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pandangan ulama silam dan kontemporari berkaitan PJJ yang sangat signifikan untuk dijadikan panduan. Menariknya, terdapat juga peruntukan undang-undang kekeluargaan Islam yang sedia ada untuk mengawal amalan PJJ khususnya dikalangan masyarakat Islam seperti dalam Akta 303 iaitu Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 Bahagian V - Pembubaran Perkahwinan, Seksyen 52 iaitu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh, Seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 serta lafaz taklik yang dibaca oleh suami selepas akad nikah bagi setiap negeri di Malaysia. Kajian mencadangkan beberapa prinsip yang perlu dijaga oleh suami dan isteri dalam menjalani PJJ bertujuan untuk mewujudkan PJJ yang sejahtera dan harmoni.</p> <p>Kata kunci: Perkahwinan, jarak jauh, fiqh, undang-undang keluarga Islam</p>	<p>Malaysia. The method used is qualitatively involving library research. The data obtained were analyzed by content analysis as well as inductive and deductive. The findings of the study show that there are views of past and contemporary scholars related to PJJ that are very significant to be used as a guide. Interestingly, there are also provisions of Islamic family law to control the practice of PJJ, especially among the Muslim community as in Act 303, the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984 Part V- Dissolution of Marriage, Section 52 which is an order to dissolve a marriage or for fasakh, Section 48 of the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 as well as the recitation of taklik read by the husband after the marriage contract for each state in Malaysia. The study suggests some principles that need to be taken care of by husbands and wives in undergoing PJJ in order to create a prosperous and harmonious PJJ.</p> <p>Keyword: Marriage, long-distance, fiqh, Islamic family law</p>
--	---

PENDAHULUAN

Idealnya setiap keluarga pasti akan tinggal bersama ahli keluarganya dalam satu rumah, namun kini wujud situasi yang ada kalanya sesebuah keluarga tidak dapat tinggal dalam kediaman yang sama untuk menjalani kehidupan setiap hari. Tempoh tidak tinggal bersama yang dimaksudkan adalah melebihi 3 hari dalam seminggu selama sekurang-kurangnya 3 bulan (Harriet Gross & Naomi Gerstel, 2008). Terdapat pelbagai alasan yang menyebabkan sesebuah keluarga tidak dapat tinggal bersama dalam satu rumah, antaranya adalah kerana ingin mempertahankan jawatan yang disandang, ingin melanjutkan pelajaran dan sebagainya (Tina B Tessina, 2008). Keadaan perkahwinan seperti ini dikenali sebagai perkawinan jarak jauh.

Namun dalam menongkah arus kemodenan dan berhadapan dengan perubahan sosio-ekonomi yang melanda negara kita, sedikit sebanyak telah mempengaruhi pembentukan dinamik keluarga yang pelbagai di mana hampir 50 peratus golongan wanita telah terlibat dalam tenaga kerja sepenuh masa (Kiger G. & Riley P.J., 2001). Lelaki dan wanita dilihat saling berlumba dan bersaing untuk mendapatkan status, taraf pendidikan yang tinggi, kerjaya yang setanding untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi (Lingren H. G., 1998). Justeru, rentetan dari itu terdapat pasangan suami isteri yang mengambil keputusan untuk tinggal berjauhan bagi memenuhi tuntutan tersebut.

Di Malaysia, terdapat lebih 500,000 pasangan suami isteri yang tinggal berjauhan dengan pasangan masing-masing kerana berhadapan dengan tekanan dari sudut ekonomi (Berita Harian, 29 Jun 2019). Manakala menerusi dapatan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), menunjukkan sebanyak 6.9 peratus wanita tinggal berjauhan dengan suami kerana tuntutan kerjaya yang digalas (LPPKN, 2014). Golongan ini berpotensi mengalami tekanan emosi serta gangguan perasaan kerana terpaksa menanggung amanah menguruskan rumah tangga secara sendirian tanpa bantuan dari pasangan (Merolla, 2012). Justeru fenomena ini perlu diberi perhatian kerana PJJ antara faktor yang menyumbang kepada jumlah kes perceraian di Malaysia.

Amalan perkahwinan jarak jauh dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia yang akhirnya membawa kepada perceraian dapat dibuktikan melalui beberapa kes yang berlaku antaranya kes Sahazliana binti Ab Rahman lawan Mohammad bin Abdul Hamid (10016 – 055 – 0648 – 2019). Dalam kes ini, isteri telah memfailkan perceraian atas sebab tiada sefahaman dan tiada hubungan kelamin kerana sudah tidak tinggal bersama lebih dari 1 tahun.

Kes lain pula antara Sarimah binti Sukeri lawan Jarpi bin Talib (14002 – 055 – 0445 – 2020). Dalam perbicaraan mahkamah, plaintif ada menyebut bahawa mereka sudah duduk berjauhan sejak dua tahun yang lalu dan mengambil keputusan untuk memfailkan perceraian atas sebab tiada sefahaman.

Dalam kes Nurul Huda binti Ramli lawan Mohd Fauzi bin Baharudin (10016 – 055 – 0680 – 2019), antara sebab isteri menuntut perceraian ialah kerana sudah 3 tahun tinggal berjauhan dengan suami kerana suami bekerja diluar negara sehingga tiada lagi persefahaman antara suami dan isteri.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, fenomena amalan PJJ di Malaysia semakin mendapat tempat dalam kajian-kajian yang dijalankan. Contohnya kajian oleh Norsafatul Aznin binti A.Razak (2015) mengenai pengalaman kelangsungan hidup wanita dalam perkahwinan jarak jauh menumpukan kepada perkongsian pengalaman dan pendedahan terhadap kesan-kesan dan beberapa perubahan yang dialami dalam kehidupan seorang

wanita yang berjauhan dari suaminya. Namun kajian ini tidak menyentuh pandangan Islam terhadap perkahwinan jarak jauh.

Manakala kajian Siaw, Y. L. (2014) pula melaporkan bahawa majoriti remaja yang hidup dalam suasana keluarga komuter hanya mencapai prestasi akademik dan kurikulum pada tahap gred B dan ke bawah. Remaja ini juga memberi persepsi bahawa mereka jarang (38.7%) dan tidak pernah (18%) menerima bimbingan ibu bapa yang secukupnya. Aktiviti kebudayaan dan rekreasi sesama anggota keluarga juga kurang berlaku. Ini membuktikan bahawa gaya hidup PJJ turut memberi kesan kepada emosi anak-anak. Walaupun begitu, prinsip-prinsip yang perlu dijaga oleh suami dan isteri dalam menjalani PJJ tidak dinyatakan dalam kajian ini.

Seterusnya jurnal oleh Jamiah Manap (2019) mendedahkan 10 kebaikan perkahwinan jarak jauh. Namun menurut penulis kebaikan ini akan tercapai jika PJJ dapat diurus dengan baik. Malah ia mampu menjadi pemacu kepada kecemerlangan dan kesejahteraan sejagat. Walau bagaimanapun penulisan berkaitan tempoh had dibenarkan berjauhan tidak dinyatakan serta peruntukan undang-undang kekeluargaan Islam yang sedia ada untuk mengawal amalan PJJ tidak dibincangkan.

Selain itu, jurnal oleh Lim Yek Chin & Norzaini Azman (2017) menyatakan bahawa guru sekolah menengah Lawas yang berjauhan dengan keluarga lebih tertekan dan kurang berpuas hati dengan pekerjaan berbanding dengan guru tempatan. Menurutnya usaha peningkatan sistem pendidikan negara dapat dilakukan dengan lebih berkesan sekiranya tekanan kerja semua guru dapat dikurangkan dan kepuasan kerja mereka boleh ditingkatkan.

Manakala kajian yang sama turut dijalankan oleh Supian Taharim, Zaidi Korib dan Rosli Suyot (2020) terhadap kesejahteraan emosi dalam kalangan guru hubungan jarak jauh di Lembah Klang menunjukkan reaksi kesejahteraan psikologi peserta kajian yang lebih cenderung kepada reaksi emosi, pemikiran dan tingkah laku negatif yang mengganggu kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, cadangan penyelesaian yang boleh diambil jika guru terus kekal berjauhan dengan keluarga perlu dicadangkan supaya sistem pendidikan negara lebih cemerlang.

Justeru, menyedari bahawa kebanyakan kajian lepas yang telah dijalankan mengfokuskan topik perbincangan sekitar masalah perkahwinan jarak jauh sahaja, maka dalam kajian ini penulis memfokuskan kepada pandangan Islam mengenai amalan PJJ meliputi tempoh dibenarkan berjauhan, sebab-sebab yang dibolehkan untuk PJJ dan prinsip-prinsip yang perlu dijaga oleh suami dan isteri dalam menjalani PJJ. Seterusnya kajian ini juga akan menganalisa peruntukan undang-undang berkaitan PJJ yang terdapat dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia .

PJJ MENURUT PERSPEKTIF FIQH

Suami isteri merupakan pasangan yang saling memerlukan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Melalui perkahwinan, pasangan suami isteri dapat memenuhi keperluan fitrah manusia, memelihara maruah diri serta mewujudkan suasana kedamaian yang memberi ketenteraman dan ketenangan jiwa. Oleh itu, dalam merealisasikan objektif sesebuah perkahwinan, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dalam konteks PJJ, antaranya ialah, tempoh yang dibenarkan untuk suami dan isteri tinggal berjauhan dan sebab-sebab yang dibolehkan untuk berjauhan menurut perspektif fiqh.

TEMPOH DIBENARKAN BERJAUHAN

Pada zaman khalifah Umar bin Khattab RA terdapat sebuah kisah yang menceritakan penderitaan seorang isteri yang merindukan dan mengharapkan kepulangan suaminya, sementara suaminya sedang melakukan tugas jihad di medan perang. Hal ini sampai ke pengetahuan Khalifah Umar RA. Kisah ini tidak berhenti di situ kerana khalifah Umar sedaya upaya mencari maklumat, antaranya ialah berapa lamakah tempoh waktu bagi seorang isteri dapat menahan kerinduan ketika berjauhan dengan suaminya. Lantas Umar bin Khattab RA mendatangi rumah puterinya, Hafsa dan bertanya berapa lamakah seorang perempuan mampu menunggu dan bersabar jika ditinggalkan berjauhan dari suaminya. Jawab Hafsa, boleh jadi selama sebulan, dua bulan ataupun tiga bulan. Tetapi, jika sampai tempoh empat bulan, maka ia tidak akan mampu lagi bertahan dan bersabar. Terdapat riwayat lain yang menyebutkan selama tempoh lima bulan atau enam bulan.

Lalu Khalifah Umar bin Khattab RA memerintah suaminya untuk pulang dan sejak peristiwa itu beliau menetapkan tempoh waktu untuk menjalankan tugas bagi seluruh prajurit muslim di medan perang adalah tidak lebih dari enam bulan. Perjalanan berangkat 1 bulan, berada di lokasi 4 bulan, dan perjalanan pulang 1 bulan (al-Halawi, 1999).

Selain itu, Abu Ishaq al-Syirazi (t.t) menyatakan bahawa jika seorang wanita menghalangi untuk menyerahkan dirinya atau dia tidak memungkinkan untuk *istimta'*, atau seharusnya ia berada di rumah tapi tidak ada di rumah atau seharusnya ia berada di negerinya tapi tidak ada di negerinya, maka tidak wajib nafkah, kerana dengan demikian menyebabkan tidak terdapatnya *tamkin* yang sempurna. Tidak ada kewajiban nafkah tersebut diumpamakan sebagaimana tidak wajibnya suatu pembayaran bila si penjual menahan atau menghalangi benda yang dijualnya untuk diserahkan.

Perkara ini dalam ilmu Fiqh disebut '*tamkin*' yang bererti menetap. Maksudnya, menetapnya isteri dan tinggal bersama suaminya. Perincian pengertian *tamkin* menurut Syeikh Abu Bakar al-Dimyati (1995) adalah :

بأن عرضت نفسها عليه كان تقول إن مسلمة نفسى اليك فاختزان اتيك حيث شئت أو أن تأثيني

Terjemahan:

Bahwasanya si wanita telah menyerahkan dirinya kepada suaminya sebagaimana dia berkata, sesungguhnya aku menyerahkan diriku kepadamu maka engkau pilihlah bahawa aku datang kepadamu di manapun kamu berada atau engkau datanglah diriku.

Manakala menurut Sayyid Sabiq (2008) jika isteri yang ditinggalkan oleh suaminya merasa berat kerana perpisahan yang lama, maka dia berhak untuk mengajukan cerai di mahkamah walaupun suami telah memberikan nafkah kepadanya, dengan syarat:

1. Pemergian suami meninggalkan isterinya tanpa uzur yang boleh diterima.
2. Kewujudan mudarat yang membebankan isteri kerana pemergian suaminya.
3. Suami meninggalkan tempat/daerah dimana isterinya berada.
4. Sudah setahun pemergiannya dan sepanjang tempoh itu menyebabkan isterinya menderita.

Para ulama sepakat berpendapat bahawa jika isteri berhasrat untuk menuntut perceraian di mahkamah kerana ditinggalkan oleh suami maka ia dibolehkan dan perceraian itu haruslah berdasarkan keputusan hakim (Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 1987).

Manusia secara fitrah memerlukan pendamping yang boleh membahagiakan dan berkongsi masalah dan pahit getir yang dilalui dalam melayari bahtera rumah tangga. Justeru, objektif perkahwinan seharusnya dapat merealisasikan fungsi tersebut. Jika rumah tangga yang dibina dilanda musibah dan masalah yang berat, maka sepatutnya daripada pasanganlah datangnya nasihat, kata-kata semangat dan kasih sayang yang tidak berbelah bagi. Sama keadaannya jika dikurniakan hal-hal yang menyenangkan dan membahagiakan, maka sepatutnya hal tersebut dapat dinikmati bersama pasangan masing-masing (Sayyid Sabiq, 1995).

SEBAB-SEBAB DIBENARKAN PJJ

Sebuah perkahwinan semestinya mengharapkan agar pasangannya sentiasa berada disisi sama ada dikala susah ataupun senang. Namun terdapat beberapa alasan yang menyebabkan suami isteri perlu memilih untuk tinggal berjauhan. Sebab-sebab yang dibenarkan untuk PJJ adalah seperti berikut:

1. Melanjutkan Pelajaran.

Fenomena perkahwinan semasa belajar sudah sinonim dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun ada pihak yang menentang perkahwinan semasa belajar, namun kini wujud pihak yang menyokong

bahkan ada kajian yang membuktikan perkahwinan mampu menjadi pemangkin kejayaan dalam pengajian (Azmi Jasmi, 2008).

Namun kadang kala ada suami isteri yang terpaksa berpisah kerana melanjutkan pelajaran di luar bandar dan juga di luar negara. Tambahan pula bantuan biasiswa yang diberikan hanya mencukupi untuk menampung kos penerima sahaja, dan tidak cukup untuk membiayai pasangan hidupnya, baik suami ataupun isteri. Terutama jika pasangan sudah mempunyai anak, maka biasanya pilihan yang terpaksa dibuat adalah mengamalkan perkahwinan jarak jauh, sehingga tamat pengajian.

Menurut Islam, proses pembelajaran perlu sentiasa berjalan sepanjang hayat kehidupan manusia walaupun sudah berumah tangga. Islam tidak melarang kaum isteri untuk terus menuntut ilmu. Perkara ini dibuktikan oleh Saidatina Aishah yang berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. sewaktu umurnya mencecah sembilan tahun. Walaupun sudah berkahwin, Saidatina Aishah tetap meneruskan pengajiannya mencari ilmu sehingga beliau dikenali sebagai antara tokoh Islam yang hebat dalam bidang nikah dan perkara yang berkaitan dengannya. Kepakaran dan kehebatan Saidatina Aishah sememangnya diakui oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat sehingga beliau menjadi rujukan dalam bidang tersebut (Ibn Kathir, 2002; Ibn Hisyam, 1995; al-Mabarkafuri, 1994).

2. Menjalankan Tugas/Kerja.

Rasulullah s.a.w, para nabi dan para sahabat merupakan antara golongan yang tidak terkecuali dari meninggalkan isteri, anak-anak dan keluarga demi menjalankan tugas menyebarkan dakwah Islam ke serata dunia. Sebagai contoh, Nabi Ibrahim a.s. yang meninggalkan isterinya Siti Hajar bersama anaknya Nabi Ismail yang masih kecil ketika itu di tengah gurun padang pasir yang kering kontang dengan pengharapan yang tinggi kepada Allah s.w.t. seperti yang digambarkan dalam Surah Ibrahim:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ دُرْيَتِي بُوَادٍ غَيْرِ ذِي رَزْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيَقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْئِدَةً مِنَ النَّاسِ تَهُوي إِلَيْهِمْ وَأَرْوَهُمْ مِنَ التَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ

Terjemahan:

Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu,jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.

(Ibrahim: 37)

Hal ini dapat dikaitkan dengan situasi kita di Malaysia, terdapat beberapa jenis pekerjaan yang memaksa suami dan isteri untuk tinggal berjauhan seperti guru, askar, tentera, pelantar minyak dan banyak lagi demi menjalankan kewajipan fardu kifayah.

Menurut pakar agama Datuk Hassan Mahmud al-Hafiz, hukum mengamalkan perkahwinan jarak jauh kerana mencari nafkah dan menjalankan tugas maka ia diharuskan oleh Islam (Sinar Harian, 2 Ogos 2019).

3. Menjalani Hukuman.

Isteri yang ditinggalkan oleh suami kerana dijatuhi hukuman penjara, menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, dalam Seksyen 52 (Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh), berhak menuntut cerai daripada suami dan tuntutan cerai ini boleh dibuat di Mahkamah Syariah. Perceraian boleh dituntut melalui beberapa kaedah antaranya ialah:

- i. Suami melafazkan cerai selepas perbicaraan dibuat melalui Mahkamah Syariah.
- ii. Cerai talak khuluk iaitu isteri memberikan sejumlah wang kepada suami dengan tujuan untuk minta diceraikan.
- iii. Cerai talak taklik iaitu apabila suami terbukti telah gagal menjalankan nafkah terhadap isteri selama empat bulan berturut-turut.
- iv. Cerai melalui fasakh iaitu perintah daripada Mahkamah Syariah apabila didapati suami tidak menunaikan nafkah selama tiga bulan dan suami dipenjara tiga tahun ke atas.

Walau bagaimanapun ia tetap bergantung kepada keredhaan dan kerelaan isteri untuk bertahan. Jika isteri bersabar dan memilih untuk tidak melaporkan kepada pihak mahkamah perihal suami yang meninggalkan dirinya kerana perlu menjalani hukuman penjara, maka tiada perceraian yang berlaku antara suami dan isteri.

4. Poligami.

Dalam menjalani kehidupan berpoligami, seorang suami wajib memberikan hak secara adil kepada isteri-isterinya dalam perlaksanaan hak sama ada dari segi nafkah makanan, pakaian, tempat tinggal dan giliran bermalam (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, Ali al-Syarbaji, 2009). Kewajipan berlaku adil disebut di dalam hadis Rasulullah saw¹:

مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَا أَلِيَ إِحْدَاهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِئْفَةُ مَا إِلَيْهِ

Terjemahan:

Sesiapa yang mempunyai dua isteri dan cenderung kepada seorang daripadanya, pada hari kiamat, dia datang dalam keadaan yang senget.

(Riwayat Abu Daud)

Oleh itu jika lokasi setiap isteri-isterinya jauh, sehingga menyebabkan suami perlu meninggalkan isteri-isteri yang lain dalam tempoh masa yang lama untuk menunaikan giliran bermalam setiap isteri, maka hukum suami tinggal berjauhan dengan isteri-isteri yang lain ketika menunaikan hak penggiliran setiap isteri adalah dibolehkan oleh syarak. Hukum ini dibentuk berdasarkan kewajipan suami untuk melaksanakan sistem penggiliran terhadap setiap isterinya untuk mencapai keadilan dalam berpoligami (Mustafa al-Khin *et al.*, 2009).

PJJ MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, dalam Seksyen 52 (Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh) ada menyatakan jika seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang berikut, iaitu:

- i. bahawa tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
- ii. bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan;
- iii. bahawa suami telah dihukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih;
- iv. bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.

Selain itu, dalam Seksyen 48 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyentuh berkenaan syiqaq, terdapat isu suami isteri yang tinggal berasingan selama berbulan-bulan malah bertahun-tahun kerana berlaku syiqaq sehingga menyebabkan terjadinya perceraian dalam rumah tangga. Ini dapat dibuktikan melalui kes-kes perceraian yang berlaku di mahkamah.

Seterusnya dalam lafaz taklik yang dibacakan oleh suami selepas upacara akad nikah bagi setiap negeri di Malaysia yang berbunyi:

"Saya mengaku apabila saya tinggalkan isteri saya (nama isteri) selama 4 bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan, dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh yang tersebut pada hal ia taatkan saya atau

saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah, dan apabila sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah, dan ia memberi kepada Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak saya satu ringgit maka pada ketika itu tertalak ia dengan cara 'Talak Khuluk'."ⁱⁱ

Daripada lafaz taklik di atas, secara tidak langsung dapat difahami bahawa dalam undang-undang keluarga Islam sangat menitik beratkan larangan berlakunya sebarang bentuk penganiayaan terhadap isteri. Ini kerana isu jarak jauh dalam perkahwinan sememangnya boleh mengundang keretakan dalam rumah tangga. Jika suami atau isteri tidak dapat lagi mempertahankan perkahwinan tersebut, maka dibolehkan untuk membubarkan perkahwinan atau menuntut fasakh demi mendapatkan hak yang diabaikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

PRINSIP YANG PERLU DIJAGA DALAM PJJ

Berdasarkan pandangan Islam mengenai amalan PJJ dan peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia yang berkaitan dengannya, maka penulis mencadangkan beberapa prinsip yang perlu dijaga oleh suami dan isteri dalam menjalani PJJ bertujuan untuk mewujudkan PJJ yang sejahtera dan harmoni.

1. Meminta Izin Kepada Suami Ketika Keluar Dari Rumah.

Antara kewajipan seorang isteri ialah memastikan bahawa ia sentiasa keluar dari rumah dengan izin suaminya (Al-Asqalani, 1986). Seperti sabda Nabi saw:

أَنَّ امْرَأَةً أَتَتِ النَّبِيَّ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا حَقُّ الزَّوْجِ عَلَى الرَّوْجَةِ؟ فَقَالَ: حَقُّهُ عَلَيْهَا أَلَا تَخْرُجَ مِنَ السَّمَاءِ وَمَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ وَمَلَائِكَةُ الْعَذَابِ حَتَّى تَرْجِعَ بَيْتَهَا إِلَّا بِإِذْنِهِ، فَإِنْ فَعَلْتَ لَعْنَتَهَا مَلَائِكَةُ

Terjemahan:

Seorang wanita datang dan bertanya kepada Rasulullah saw, "Apakah hak seorang suami keatas isterinya?". Beliau saw menjawab,"Haknya adalah isteri tidak keluar rumah kecuali dengan izinnya. Jika isterinya nekad keluar juga, maka malaikat langit, malaikat kasih sayang dan malaikat azab melaknatnya sampai dia pulang".ⁱⁱⁱ

(Riwayat Al-Bazzar)

Namun keizinan yang dimaksudkan disini bukanlah keizinan untuk perkara yang rutin. Misalnya jika suami sedia maklum bahawa isterinya akan keluar untuk pergi ke tempat kerja setiap hari, maka isteri tidak perlu lagi meminta izin. Keizinan yang sepatutnya ialah dalam perkara yang diluar rutin kebiasaan isteri.

Menurut jumhur ulama, hukum seorang isteri yang keluar dari rumah tanpa mendapat keizinan dari suaminya adalah haram dan berdosa besar (al-

Asqalani, 1986). Bahkan isteri boleh dikategorikan sebagai nusyuz jika melanggar hukum ini. Kewajipan ini disebut dalam kitab Fath Al-Bari:

أَنَّ الْمَرْأَةَ لَا تَخْرُجُ مِنْ بَيْتِهَا إِلَّا بِإِذْنِهِ

Terjemahan:

Wanita tidak boleh keluar dari rumah suaminya kecuali dengan izin suami.

2. Tidak Menerima Tetamu Tanpa Keizinan Suami.

Ketika suami tidak berada di rumah dan tinggal jauh dari isteri, seorang isteri tidak dibenarkan menerima tetamu lelaki, apatah lagi mempelawa masuk ke dalam rumah. Kecuali tetamu itu adalah keluarga atau mahramnya sendiri, dan suami memahami dan meredhai hal itu. Asasnya adalah hadis berikut^{iv}:

لَا يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَزَوْجُهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ وَلَا تَأْذَنَ فِي بَيْتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ

Terjemahan:

Tidak boleh seorang isteri mengerjakan puasa sunat, jika suaminya ada dirumah, kecuali dengan izinnya dan tidak boleh membenarkan seorang lelaki masuk ke rumahnya kecuali dengan izin suaminya.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

3. Menjaga Kehormatan Diri.

Agama Islam menuntut umatnya agar sentiasa memelihara dan menjaga kehormatan diri dari terjebak kepada perkara yang dimurkai Allah swt. Nabi saw bersabda^v:

مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمْرَيْتُكُمْ بِهِ فَافْعَلُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan:

Apa yang aku larang kamu lakukan, hendaklah kamu jauhi dan apa yang aku perintahkan kepadamu, maka lakukanlah sesuai kemampuan kamu.

(Riwayat Muslim)

Justeru suami dan isteri yang tinggal berjauhan dari pasangannya wajib memelihara kehormatan diri dari segala bentuk fitnah, terutama jika perbuatan itu membawa kepada zina seperti larangan berhias secara berlebihan ketika keluar dari rumah, bergurau secara berlebihan dengan rakan yang berlainan jantina dan keluar pada waktu malam untuk urusan yang tidak penting. Allah swt berfirman:

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَاءِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Terjemahan:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

(al-Isra': 32)

4. Menjaga Harta Suami.

Seorang isteri wajib menguruskan harta suaminya dengan penuh rasa tanggungjawab tanpa melakukan sebarang kerosakan atau kerugian keatas harta sepanjang ketiadaan suami. Harta yang diberikan perlu dibelanjakan dengan baik. Selain itu, isteri hendaklah bersyukur atas segala pemberian suami kepadanya dan tidak menuntut berlebihan sehingga menjangkau tahap kemampuan suami seperti sabda Rasulullah saw^{vi}:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " خَيْرُ النِّسَاءِ إِذَا نَظَرْتَ إِلَيْهَا سَرَّتْكَ وَإِذَا أَمْرَحَهَا أَطَاعَتْكَ ، وَإِذَا غَبِتَ عَنْهَا حَفِظَتْكَ فِي مَالِكٍ وَنَفْسِهَا "

Terjemahan:

Dari Abu Hurairah ra berkata, Rasulullah saw bersabda: "Sebaik-baik wanita ialah jika kau pandang ia menyenangkanmu, jika kau perintah ia mentaatimu, jika kau tinggalkan ia menjaga hartamu dan menjaga dirinya."

(Riwayat An-Nasa'i)

5. Menunaikan Nafkah Isteri.

Sepanjang tempoh berjauhan dengan isteri, suami hendaklah memastikan nafkah untuk isteri berjalan dengan baik. Nafkah yang dimaksudkan adalah nafkah perbelanjaan makan minum, pakaian yang mencukupi, tempat tinggal yang selamat dan apa juar bentuk keperluan yang diperlukan oleh isteri mengikut kadar kemampuan suami (Fatimah Ali, 2016) seperti firman Allah swt:

لِيُنْفِقُ ذُو سَعْةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلِيُنْفِقْ مِمَّا أَتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Terjemahan:

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada

seseorang melainkan sekedar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.

(al-Talaq: 7)

Selain itu, suami juga wajib memastikan nafkah batin dapat diberikan kepada isteri mengikut persetujuan bersama. Jika suami tidak menunaikan nafkah batin terhadap isteri maka hukumnya berdosa besar kerana gagal menunaikan hak-hak yang telah diamanahkan kepadanya (Mustafa al-Khin et.al, 1992). Dasar ini dibentuk berdasarkan hadis^{vii}:

إِن لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقٌّ، وَإِن لِبَنَنَكَ عَلَيْكَ حَقٌّ، وَإِن لِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقٌّ، وَإِن لِزُورَكَ عَلَيْكَ حَقٌّ
فَأَعْطِ كُلَّ ذِيْ حَقٍّ حَقًّا

Terjemahan:

Sesungguhnya untuk Tuhan kamu terdapatnya hak, dan untuk badan kamu terdapatnya hak, dan untuk keluarga kamu terdapatnya hak, dan untuk isteri kamu terdapatnya hak dan berikanlah setiap yang hak itu haknya.

(Riwayat Bukhari)

6. Memastikan Keselamatan Isteri.

Suami yang perlu meninggalkan isteri kerana tuntutan kerja atau sebagainya, wajib sedaya upaya memastikan keselamatan tempat tinggal yang didiami oleh isteri agar sepanjang ketiadaannya isteri dapat menjalani kehidupan dengan aman dan tenteram. Rasulullah saw bersabda^{viii}:

مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ أَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُونَ دِينِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ وَمَنْ
قُتِلَ دُونَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ

Terjemahan:

Siapa yang terbunuh kerana melindungi hartanya, dia adalah seorang syahid. Sesiapa yang terbunuh kerana melindungi keluarganya, dia adalah seorang syahid. Sesiapa yang terbunuh kerana melindungi agamanya, dia adalah seorang syahid. Siapa yang terbunuh kerana melindungi dirinya, dia adalah seorang syahid.

(Riwayat al-Nasaie)

KESIMPULAN

Islam memandu umat Islam dalam segala aspek kehidupan manusia khususnya dalam usaha mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan sebuah

rumah tangga. Dalam perkahwinan jarak jauh khususnya, Islam meletakkan had maksimum yang dibenarkan berjauhan antara suami isteri dan sebab-sebab yang dibenarkan untuk hidup berjauhan. Selain itu, betapa pentingnya untuk suami isteri sama-sama menjaga dan memelihara prinsip-prinsip yang digariskan dalam menjalani PJJ. Tanpa pengamalan yang betul, hak-hak suami isteri akan terabai kerana tiada panduan terhadap peranan yang sepatutnya dimainkan. Sebaliknya, jika prinsip-prinsip ini dapat difahami dengan baik dan sekaligus diamalkan, ia dapat membantu suami isteri dalam menjalani PJJ dengan lebih aman dan harmoni.

RUJUKAN

- Abu Bakr Utsman bin Muhammad Syata al-Dimyati al-Bakri.(1995). *I'anah al-Tolibin fi Halli Alfaz Fath al- Mu'in*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyah: Beirut
- Abu Dawud, Abu Dawud Sulayman Bin al-Ash'ath Bin Ishaq al-Azdi al-Sajastani. (2000). *Sunan Abi Dawud dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Abu Ishaq Ibrahim Asy Syirazi. (t.t.). *al-Muhazzab*, Juz II. Beirut: Dar al-Fikri.
- Al-Bazzar, Abu Bakr Ahmad. (1988). *Musnad al-Bazzar*. Beirut: al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-Mabarkafuri, Safi al-Rahman. (1994). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Nasai, Abu Abd Rahman Ahmad ibn Syuib ibn Ali al-Nasai Imam al-Hafiz. (t.t). *Sunan Nasai*. Beirut: Dar al- Ihya'.
- Al-Tarmizi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa al-Tarmizi Imam (1975), *al-Jami' al-Sahih Sunan Tarmizi*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi. (2000). *Sahih al Bukhari dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. Al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Fatimah binti Ali. (2016). Nafkah Isteri Bekerja: Antara Hukum Dan Realiti. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016*. 22 & 23 November 2016.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (1986). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Hisham. 1995. *Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Hisham*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz, al-Imam (2002). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Bairut: al-Maktabah al-'Asriyyah. Jilid 1-10.
- Jamiah Manap. (2019). Hikmah Keluarga Komuter. *Jurnal iSejahtera*, Jun 2019, Jilid 2 (Isu 3). Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2008). *Perkahwinan Semasa Belajar: Kebaikan dan keburukannya dalam Pembangunan Pelajar Universiti*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 pada 22-23 Oktober 2008 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Institut Pembangunan Felo, Universiti Teknologi Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kiger, G., & Riley, P.J. (2001). Working hard and hardly working: Domestic labor and marital satisfaction among dual earner couples. *Journal of Marriage and Family*. 63:514-526.
- Lim Yek Chin, Norzaini Azman. (2017). Tekanan Dan Kepuasan Kerja Guru Yang Berjauhan Dengan Keluarga: Kajian Kes Lawas. - Seminar Pendidikan Transdisiplin (Sted 2017). 266-273.
- Lingren, H. G. (1998). *A new view of 'quality time.'* Enriching family relationships. Ohio State University Cooperative Extension. Dicapai pada 21 July 2000, dari <http://www.ianr.unl.edu/ianr/fcs/efrdec98.htm>
- Merolla, A. J. (2012). Connecting here and there: A model of long-distance relationship maintenance. *Personal Relationships*, 19(4), 775–795.
- Mohamad Supian Taharim, Zaidi Korib, Rosli Suyot. (2020). Meneroka Kesejahteraan Emosi Dalam Kalangan Guru Hubungan Jarak Jauh Di Lembah Klang. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya
- Muhammad Abdul Aziz al-Halawi. (1999). *Fatwa Dan Ijtihad Umar Bin Khattab : Ensiklopedia Berbagai Persoalan Fiqih*. Surabaya : Risalah Gusti.
- Mustafa al-Khin , Dr., (et.al), (1992). *Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'e*, jil. 3, cet. 2., Damsyik: Dar al-Qalam.
- Naomi Gerstel PhD & Harriet Engel Gross PhD. (1982). Commuter Marriages. *Marriage & Family Review*, 5:2, 71-93. doi: 10.1300/j002v05n02_05.
- Norsafatul Aznin A. Razak. (2015). *Pengalaman kelangsungan hidup wanita dalam perkahwinan jarak jauh*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Portal Sinar Harian. (2019). Pasangan tinggal berjauhan kerana mencari nafkah diharuskan. Dicapai pada 1 April 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/41062/LIFESTYLE/Femina/Pasangan-tinggal-berjauhan-kerana-mencari-nafkah-diharuskan>
- Sayyid Sabiq. (1365H). *Fiqh al-Sunnah*, Jil. 2, Jeddah: Maktabah al-Khadamat al-Hadithah.
- Siaw, Yan Li. (2014). *Bimbangan ibu bapa, persekitaran keluarga dan masalah kecelaruan sebagai pengantara hubungan kesediaan ibu bapa dengan prestasi remaja di sekolah dalam kalangan keluarga komuter*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Sijil Nikah Negeri Selangor.

- Tina B Tessina. (2008). *The Commuter Marriage: Keep Your Relationship Close While You're Far Apart*. Fort Collins, CO: Adams Media.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah (1987), al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah. Kuwait : Dar al-Salasil, 29/64

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.

ⁱ Abu Daud Sulaiman Bin al-Ash'ath Bin Ishaq al-Azdi al-Sajastani (2000), Sunan Abu Daud, Kitab al-Nikah, no. hadis 2133, jil.3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

ⁱⁱ Sijil nikah negeri Selangor

ⁱⁱⁱ Abu Daud Sulaiman Bin al-Ash'ath Bin Ishaq al-Azdi al-Sajastani (2000), Sunan Abu Daud, Kitab al-Nikah, no. hadis 2133, jil.3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

^{iv} Muhammad b. Isma'il, Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), Sahih al-Bukhari, Kitab al-Nikah, no. hadis 5195, Kaherah: Dar al-Fikr.

^v Nawawi, Yahya bin Syaraf al-Nawawi (1987), Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi, Kitab al-Fadhl, no. hadis 1337. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Thurath Sahih Muslim.

^{vi} Nasa'i, Abu Abd Rahman Ahmad ibn Syuib ibn Ali al-Nasai (2016), Sunan al-kubra, Bab Ta'ah al-Mar'ah Zaujaha, no. hadis 7727. Beirut: al-Risalah al-'alamiyah

^{vii} Muhammad b. Isma'il, Abu 'Abd Allah al-Bukhari (1994), Sahih al-Bukhari, Kitab al-Saum, no. hadis 1968, Kaherah: Dar al-Fikr

^{viii} Nasa'i, Imam al- (1986), Sunan al-Nasa'i, Kitab Tahrim al-Dam, no. hadis 4095. Beirut: Dar al-Ihya'.